

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

**RMK 356– Pengurusan Projek dan Kewangan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**.  
Bagi soalan **Bahagian A**, soalan **SATU** adalah **WAJIB**.

...2/-

**Bahagian A**

1. Puan Saraswathy Rengasammy telah melantik anda sebagai seorang Pengurus Projek bagi pembangunan projek perumahan di Sungai Ara, Pulau Pinang. Anggaran perbelanjaan beliau adalah sebanyak RM 30 juta. Namun begitu, Puan Saraswathy tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang pengurusan projek, proses pembinaan serta pengurusan kewangan. Justeru, beliau memerlukan khidmat seorang Pengurus Projek yang benar-benar berkelayakan dan profesional. Anda telah dilantik sebagai Pengurus Projek bagi projek tersebut. Selaku Pengurus Projek yang kurang berpengalaman, anda terpaksa memberi khidmat nasihat yang meyakinkan kepada Puan Saraswathy bagi membuktikan yang anda merupakan seorang Pengurus Projek yang benar-benar berkelayakan dan mampu menjalankan tugas dengan berkesan. Antara tugas yang berat yang perlu anda pikul selaku Pengurus Projek ialah mengurus perunding-perunding profesional yang akan membantu anda dalam memberikan khidmat profesional mereka serta kontraktor yang akan menjalankan kerja-kerja pembinaan. Berikut adalah senarai perunding-perunding dan kontraktor yang akan membantu anda dalam menjalankan projek tersebut:

*Arkitek:*

Ar. Datin Sharifah Nurilyana Syed Fesal; beliau adalah seorang Arkitek yang cukup berpengalaman dan seorang yang berkecimpung secara aktif di dalam politik. Beliau sangat cerewet dan mempunyai hubungan yang erat dengan Puan Saraswathy. Beliau sering membawa mulut dan melaporkan kepada klien tentang kesilapan yang dilakukan oleh perunding-perunding lain.

*Jurutera Awam dan Struktur:*

Ir. Arun Kumar; seorang yang baru sahaja menubuhkan firma perundingnya sendiri. Terkenal sebagai seorang yang pandai bercakap tetapi pada kebiasaannya tidak mampu menghasilkan kerja seperti yang dijanjikan.

*Jurutera Mekanikal dan Elektrikal:*

Ir. Low Kin Man; seorang yang suka berfoya-foya. Kebiasaannya beliau akan bermain golf pada siang hari dan mengunjungi kelab-kelab malam pada waktu malam. Namun begitu, beliau mempunyai pekerja-pekerja yang komited terhadap kerja mereka.

*Jurukur Bahan:*

Sr. Muhd. Azuwan Abd. Hadi; beliau baru sahaja lulus ujian profesional dan menubuhkan firma ukur bahan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada Lembaga Jurukur Bahan Malaysia. Walaupun beliau seorang yang cekap dan bijak di dalam bidang ukur bahan, beliau seorang yang amat pemalu. Pada kebiasaannya, beliau tidak dapat membentangkan kos projek dengan berkesan dan menyakinkan. Pada masa yang sama, beliau tidak mampu memberikan justifikasi kepada setiap anggaran kos projek dengan terperinci. Semuanya berpunca daripada sikap pemalu dan kurang bergaul dengan profesional lain.

*Cadangan Kontraktor – Syarikat Mohd Amin Che Abdullah Sdn Bhd:*

Ir. Mohd Amin Che Abdullah adalah seorang kontraktor kelas 'A' dan merupakan salah sebuah syarikat kontraktor yang begitu gah di Pahang. Namun begitu, sikap boros beliau dalam membelanjakan perbelanjaan projek seringkali membimbangkan ramai pihak. Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai, belumpun projek ini diluluskan, beliau telah pun mengunjungi pusat pameran kereta BMW dan berangan-angan untuk memiliki sebuah kereta model X5. Bukan itu sahaja, beliau juga seorang yang gilakan permainan bola sepak dan sanggup menghabiskan ribuan ringgit untuk mengunjungi Old Trafford di United Kingdom untuk menonton perlawanan bolasepak. Besar kemungkinan, sebahagian besar daripada peruntukan bagi projek ini akan dihabiskan bagi tujuan tersebut. Masalah yang lain pula, beliau tidak mempunyai pengalaman menjalankan kerja-kerja di Pulau Pinang kerana kebanyakan projeknya sebelum ini adalah di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Disebabkan Ir. Mohd Amin mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Puan Saraswathy, syarikat beliau telah dicadangkan oleh Puan Saraswathy dan semua pihak terpaksa akur dengan keputusannya melantik Syarikat Mohd Amin Che Abdullah Sdn Bhd bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan projek tersebut.

- 4 -

Pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) di Universiti Sains Malaysia, anda telah didedahkan dengan 'Konsep Pengurusan', 'Konsep Projek', 'Konsep Pengurusan Projek', 'Kerja Berpasukan', 'Teori Kepimpinan', 'Teori Motivasi' dan 'Konsep Komunikasi'. Bagaimana anda akan menguruskan perunding dan kontraktor tersebut bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di samping dapat memberi keyakinan kepada Puan Saraswathy terhadap kebolehan anda menguruskan projek tersebut dengan berkesan berdasarkan ilmu pengetahuan yang anda telah pelajari di universiti.

(35 markah)

2. Senaraikan sepuluh (10) masalah yang dihadapi dalam industri pembinaan beserta contoh dan cara penyelesaiannya.

(15 markah)

3. Jelaskan kriteria pemilihan dan peranan yang harus dimainkan oleh seorang pengurus projek di dalam sesebuah projek pembinaan.

(15 markah)

....5/-

**Bahagian B**

4. Berikan definisi pengertian kepada terma-terma berikut:

- (i) Aset
- (ii) Liabiliti
- (iii) Equiti
- (iv) Perbelanjaan
- (v) Pendapatan
- (vi) Perbelanjaan Pendapatan
- (vii) Perbelanjaan Modal
- (viii) Susut Nilai
- (ix) Aset Tetap
- (x) Aset Semasa
- (xi) Liabiliti Semasa
- (xii) Liabiliti Jangka Panjang
- (xiii) Untung Rugi

(25 Markah)

5. Daripada senarai yang diberikan, anda diminta untuk menyatakan samada ianya Aset Tetap (FA), Aset Semasa (CA), Liabiliti Semasa (CL), Liabiliti Jangka Panjang (LTL) dan Modal (OE).

....6/-

- 6 -

		FA	CA	CL	LTL	OE
1	Wang Panjar					
2	Bangunan					
3	Saham Biasa					
4	Stok					
5	Stok dalam proses					
6	Alat Tulis					
7	Kenderaan					
8	Mesin					
9	Perabut					
10	Tunai					
11	Alat Kelengkapan					
12	Alat Pejabat					
13	Komputer					
14	Sipiutang					
15	Pinjaman Bank					
16	Pinjaman MARA					
17	Pinjaman Daripada Sahabat					
18	Overdraft					
19	Modal					
20	Simpanan Tetap					
21	Pelaburan					
22	Modal					
23	Pendapatan Akrua					
24	Perbelanjaan Akrua					
25	Baki Bank					

Rajah 1

(25 Markah)

...7/-

- 7 -

6. (a) Jelaskan makna bagi item-item berikut:

- (i) Modal saham
- (ii) Saham Biasa
- (iii) Saham Keutamaan (*Preference share*)
- (iv) Primium Saham (*Share premium*)
- (v) "Rights issue"
- (vi) "Bonus issue"
- (vii) Rezab Modal (*Capital reserve*)
- (viii) Harga Par (*Par value*)
- (ix) Pengeluaran dan Modal berbayar (*Issued and paid up Capital*)
- (x) Rezab Pendapatan (*Revenue reserve*)

(20 markah)

6 (b) Lengkapi penyata berikut:

	Aset Tetap	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Liabiliti Jangka Panjang	Equiti Pemunya
1	40,000	60,000	20,000		70,000
2		42,000	43,000	40,000	84,000
3	50,000		18,000	80,000	30,000
4	32,000	28,000		10,000	8,000
5	80,000	40,000	90,000	50,000	

Rajah 2

(5 Markah)

- 000 0 000 -